

**LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
2017**



LAPORAN TAHUNAN
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**
2017

KANDUNGAN

- 04 Perutusan Pengerusi
- 06 Ringkasan Eksekutif
- 08 Latar Belakang
- 10 Undang-undang dan Peraturan
- 11 Ahli-ahli Suruhanjaya
- 14 Carta Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
- 15 Jemaah Pegawai
- 16 Urusan-urusan yang Dilaksanakan oleh Suruhanjaya
- 23 Urusan Pelantikan
- 23 Urusan Perkhidmatan
- 24 Urusan Kenaikan Pangkat
- 25 Urusan Pemangkuan
- 26 Urusan Pelepasan Pertukaran Sementara dan Peminjaman
- 27 Urusan Tatatertib dan Surcaj
- 28 Ketetapan Suruhanjaya
- 29 Urus Setia SPKP
- 30 Sidang Redaksi

The image features a stylized representation of the Malaysian flag, with its characteristic blue field, yellow crescent and star, and red and white horizontal stripes. The flag is set against a background of overlapping, semi-transparent blue geometric shapes, creating a modern, digital aesthetic. The text 'PERUTUSAN Pengerusi' is positioned in the lower right quadrant of the image.

PERUTUSAN Pengerusi

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas pelaksanaan agenda 2017 yang dipersembahkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman (SPKP) 2017 ini. Laporan ini diharap menjadi sumber rujukan dan perkongsian maklumat dengan semua pihak berkepentingan, terutamanya Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia.

Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan memainkan peranan penting dalam sistem perundangan negara dalam memastikan negara ditadbir berdasarkan 'the rule of law' dan keadilan ditegakkan pada setiap masa 'without fear or favour'. Selaras dengan itu, tahun 2017 merupakan tahun SPKP menggerakkan inisiatif-inisiatif jitu bagi memperkasakan pengurusan modal insan supaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kekal relevan dan berupaya memberikan perkhidmatan yang efisien, efektif dan par excellence serta berintegriti tinggi agar dapat memenuhi ekspektasi dan aspirasi rakyat.

Bagi mengukuhkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan agar terus dianggotai oleh Pegawai Undang-Undang yang berwibawa dan dinamik, pertukaran Pegawai Undang-Undang yang sedang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara ke Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan sebaliknya telah dilaksanakan mulai tahun 2017. Pertukaran ini dilaksanakan supaya Pegawai Undang-Undang mendapat pendedahan tugas dalam bidang kehakiman dan juga perundangan yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kepakaran secara lebih holistik mengenai sistem perundangan negara. Pelaksanaan pertukaran ini mendukung konsep 'one service' dan menyemai 'sense of belonging' dikalangan Pegawai Undang-Undang yang berkhidmat dalam satu skim perkhidmatan yang sama. Jalinan kerjasama dan semangat berpasukan dikalangan semua Pegawai Undang-Undang tanpa mengira tempat berkhidmat

merupakan salah satu kriteria utama agar Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan terus unggul dan cemerlang serta berada dalam kelasnya yang tersendiri.

Asas-asas pemangkuan dan kenaikan pangkat terus diperhalusi oleh Suruhanjaya agar lebih menyeluruh dan seterusnya memastikan peluang kemajuan kerjaya yang lebih adil dan saksama. Pegawai Undang-Undang yang diberi pemangkuan atau kenaikan pangkat boleh mengisi mana-mana jawatan kosong kenaikan pangkat di Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Manakala tempoh pemangkuan minimum ditetapkan selama satu tahun bagi membolehkan penilaian dilaksanakan dengan teliti, objektif dan menyeluruh.

Pada tahun 2017 juga, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan Suruhanjaya turut diperluaskan melalui sistem dalam talian iaitu Sistem e-Ruling SPKP. Sistem tersebut meningkatkan kecekapan pengurusan data raya ('big data') dimana semua ketetapan (ruling) Suruhanjaya sejak tahun 1969 telah dimuat naik dalam sistem berkenaan untuk rujukan Ahli-Ahli Suruhanjaya pada bila-bila masa. Pada masa yang sama, penggunaan Sistem e-Circulation SPKP yang membolehkan Ahli-Ahli Suruhanjaya membuat keputusan dalam talian tanpa bermesyuarat terus diguna pakai bagi memastikan urusan Suruhanjaya berjalan dengan lancar.

Selaras dengan inisiatif-inisiatif tersebut, besarlah harapan saya agar Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan terus maju dan unggul serta dianggotai oleh Pegawai Undang-Undang yang cekap, berwibawa, par excellence dan berintegriti tinggi serta mempunyai semangat daya juang yang utuh demi menegakkan keadilan dan memakmurkan tanah air yang tercinta – Negaraku Malaysia.

Salam hormat,

TAN SRI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

“

...tahun 2017 merupakan tahun SPKP menggerakkan inisiatif-inisiatif jitu bagi memperkasakan pengurusan modal insan supaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kekal relevan dan berupaya memberikan perkhidmatan yang efisien, efektif dan par excellence serta berintegriti tinggi agar dapat memenuhi ekspektasi dan aspirasi rakyat.

”



RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPKP ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

Laporan Tahunan ini mengandungi rumusan bagi urusan-urusan yang dijalankan oleh SPKP bagi tahun 2017. Selain itu, Laporan Tahunan ini juga mengandungi maklumat mengenai Ahli-Ahli SPKP, Jemaah Pegawai serta latar belakang SPKP. SPKP juga membuat ketetapan bagi Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sepanjang tahun 2017 dan ketetapan-ketetapan tersebut juga diterangkan di dalam Laporan Tahunan ini.

Akhir sekali, Laporan Tahunan ini juga memaparkan maklumat mengenai Urus Setia SPKP yang bertanggungjawab dalam memastikan setiap urusan Suruhanjaya dijalankan dengan teratur.



LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Penubuhan

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

Tugas-Tugas Suruhanjaya

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa fungsi Suruhanjaya adalah untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Bidang Kuasa

Mengikut Fasal (1) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan meliputi semua anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Sehingga 31 Disember 2017, terdapat seramai 1,872 Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Pecahan Pegawai Undang-Undang mengikut gred adalah seperti berikut:



Pegawai Undang-Undang Turus I
Bilangan Pegawai: 1



Pegawai Undang-Undang
Gred Utama B
Bilangan Pegawai: 35



Pegawai Undang-Undang Turus II
Bilangan Pegawai: 2



Pegawai Undang-Undang
Gred Khas B
Bilangan Pegawai: 3



Pegawai Undang-Undang Turus III
Bilangan Pegawai: 4



Pegawai Undang-Undang
Gred Utama C
Bilangan Pegawai: 93



Pegawai Undang-Undang
Gred Utama A
Bilangan Pegawai: 13



Pegawai Undang-Undang
Gred Khas C
Bilangan Pegawai: 69



Pegawai Undang-Undang
Gred L54
Bilangan Pegawai: 195



Pegawai Undang-Undang
Gred L44
Bilangan Pegawai: 507



Pegawai Undang-Undang
Gred L52
Bilangan Pegawai: 196



Pegawai Undang-Undang
Gred L41
Bilangan Pegawai: 353



Pegawai Undang-Undang
Gred L48
Bilangan Pegawai: 401

JUMLAH
Bilangan Pegawai: **1,872**

Kuasa Suruhanjaya Yang Diwakilkan

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakili mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah mewakili kuasa kepada Jemaah Pegawai yang terdiri daripada Peguam Cara Negara II dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk menimbang dan meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen bagi Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut, antara lain, termasuk:



AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Fasal (2) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi (yang juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam), Peguam Negara atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik tidak daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara dan seorang anggota lain atau lebih yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia. Fasal (3) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah juga menjadi Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

YA Datuk Wira
Kamaludin Bin Md Said

YA Datuk Hasnah Binti
Dato' Mohammed
Hashim

YAA Tan Sri Datuk
Seri Panglima Richard
Malanjum

YBhg. Tan Sri Dato'
Sri Haji Mohamed
Apani Bin Ali



YBhg. Tan Sri Arpah
Binti
Abdul Razak


YAA Tan Sri Dato'
Sri Ahmad Bin
Haji Maarop

YA Tan Sri Dato' Sri
Azahar Bin Mohamed

YA Dato Rhodzariah
Binti Bujang



CARTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN



JEMAAH PEGAWAI



YM Datuk Engku Nor
Faizah Binti Engku Atek

PEGUAM CARA NEGARA
Jemaah Pegawai
(Sehingga 10 Jun 2017)



YBhg. Datin Paduka Zauyah
Be Binti T. Loth Khan

PEGUAM CARA NEGARA II
Jemaah Pegawai
(Mulai 11 Jun 2017)



YBhg. Dato' Sri Latifah
Binti Hj. Mohd Tahar

KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH
PERSEKUTUAN
Jemaah Pegawai



YAA Tan Sri Dato' Seri
Zulkefli Bin Ahmad
Makinudin

PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN
Ahli
(Sehingga 27 September 2017)



YA Tan Sri Dato' Sri
Azahar Bin Mohamed

HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN
Ahli



YA Datuk Wira
Kamaludin Bin Md Said

HAKIM MAHKAMAH TINGGI
Ahli

URUSAN-URUSAN YANG DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA

Urusan-urusan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Kedudukan Urusan Yang Dilaksanakan Oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Dalam Tahun 2017

BIL.	URUSAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pelantikan Pegawai Undang-Undang (Tetap Dan Kontrak)	208
2.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP/ Penetapan Gaji Permulaan	96
3.	Kenaikan Pangkat Ke Pelbagai Gred dan Jawatan	282
4.	Pemangkuan Ke Pelbagai Gred dan Jawatan	140
5.	Pelepasan Pertukaran Sementara/ Pinjaman ke Pelbagai Jawatan	13
6.	Kawalan Tatatertib	3

MESYUARAT SURUHANJAYA

Suruhanjaya telah mengadakan sebanyak empat (4) mesyuarat pada tahun 2017 seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat SPKP Ke-132	3 Mac 2017	Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC), Pulau Langkawi, Kedah
2.	Mesyuarat SPKP Ke-133	9 Jun 2017	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Putrajaya
3.	Mesyuarat SPKP Ke-134	15 September 2017	Jabatan Peguam Negara, Putrajaya
4.	Mesyuarat SPKP Ke-135	8 Disember 2017	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya

Suruhanjaya membuat keputusan berdasarkan kertas-kertas pertimbangan yang dibentangkan dalam Mesyuarat SPKP. Selain mesyuarat, Suruhanjaya juga membuat keputusan melalui kertas edaran secara elektronik menggunakan Sistem e-Circulation SPKP. Prosedur ini membolehkan Suruhanjaya membuat keputusan tanpa bermesyuarat selaras dengan Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963.

Secara keseluruhannya, sejumlah 100 Kertas Pertimbangan telah diputuskan oleh Suruhanjaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 kertas telah diputuskan secara edaran manakala 59 kertas pertimbangan telah diputuskan melalui Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Selain itu, sepanjang tahun 2017, sebanyak 81 kertas edaran telah dipertimbangkan melalui Sistem e-Circulation SPKP melibatkan 41 kertas edaran oleh Suruhanjaya dan 39 kertas edaran oleh Jemaah Pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Butiran lengkap mengenai kertas tersebut adalah seperti di Jadual 2 manakala Rajah 1 menunjukkan kedudukan kertas pertimbangan yang diputuskan oleh Suruhanjaya/Jemaah Pegawai dalam mesyuarat dan secara edaran.


Jadual 2
Jumlah Kertas Untuk Pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan

BIL.	JENIS KERTAS	JUMLAH KERTAS
1.	Pengambilan Pegawai Undang-Undang (Pelbagai Gred)	11
2.	Kenaikan Pangkat (Pelbagai Gred dan Jawatan)	36
3.	Pemangkuan Jawatan (Pelbagai Gred dan Jawatan)	23
4.	Pelepasan Pertukaran Sementara/ Peminjaman (Pelbagai Gred dan Jawatan)	13
5.	Kawalan Tatatertib	3
6.	Penetapan Gaji Permulaan	7
7.	Kertas Pertimbangan (Pelbagai)	7
JUMLAH KECIL		100

Kertas Untuk Pertimbangan Jemaah Pegawai

8.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP	39
JUMLAH KECIL		39
JUMLAH BESAR		139

Rajah 1
Peratus Kertas Pertimbangan Melalui Mesyuarat Dan Secara Edaran



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-132
Pada 3 Mac 2017 Di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC),
Pulau Langkawi, Kedah



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-133
Pada 9 Jun 2017 Di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Putrajaya



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-134 Pada 15 September 2017 Di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-135
Pada 8 Disember 2017 Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya



URUSAN PELANTIKAN

Dalam tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai 208 orang Pegawai Undang-Undang seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3
Pelantikan Sebagai Pegawai Undang-Undang Secara Tetap

BIL.	JAWATAN	JUMLAH PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Gred L41	81
JUMLAH KECIL		81


Pelantikan Sebagai Pegawai Undang-Undang Secara Kontrak

2.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama Turus III	1
3.	Pegawai Undang-Undang Gred L41	126
JUMLAH KECIL		127
JUMLAH BESAR		208

URUSAN PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan 41 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41. Suruhanjaya juga telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 42 orang pegawai dan penetapan gaji permulaan kepada 13 orang pegawai. Jumlah urusan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penetapan gaji permulaan adalah seperti di Rajah 2.

Rajah 2
Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen Dan Penetapan Gaji Permulaan



URUSAN KENAIKAN PANGKAT

Dalam tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai 282 orang Pegawai Undang-Undang seperti di Jadual 4 berikut:

Jadual 4
Kenaiikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Dalam Tahun 2017

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Turus II	1
2.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama A	4
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama B	13
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas B	1
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama C	9
6.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas C	8
7.	Pegawai Undang-Undang Gred L54	36
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L52	40
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L48	81
10.	Pegawai Undang-Undang Gred L44	89
JUMLAH		282

URUSAN PEMANGKUAN

Dalam tahun 2017, Suruhanjaya telah meluluskan pemangkuan seramai 137 Pegawai Undang-Undang ke pelbagai gred/jawatan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5
Pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Dalam Tahun 2017

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Turus III	2
2.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama A	6
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama B	7
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama C	6
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas C	5
6.	Pegawai Undang-Undang Gred L54	18
7.	Pegawai Undang-Undang Gred L52	14
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L48	39
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L44	40
JUMLAH		137

URUSAN PELEPASAN PERTUKARAN SEMENTARA DAN PEMINJAMAN

Suruhanjaya telah meluluskan pelepasan seramai 13 orang Pegawai Undang-Undang dalam pelbagai gred untuk dilantik secara pertukaran sementara atau peminjaman bagi mengisi pelbagai jawatan di agensi seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6
Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Yang Dilantik Secara Peminjaman/
Pertukaran Sementara Dalam Tahun 2017

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Timbalan Pengarah Pendakwaan Dan Penguatkuasaan Sivil, Bank Negara Malaysia	2
2.	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan Malaysia	2
3.	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perundangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	1
4.	Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Aduan, Bahagian Operasi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)	1
5.	Pegawai Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)	1
6.	Pengurus, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)	1
7.	Pegawai Eksekutif, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)	1
8.	Ketua Program, Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri	1
9.	Penasihat Undang-Undang, Suruhanjaya Koperasi Malaysia	1
10.	Pengurus, Unit Undang-Undang, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	1
11.	Setiausaha, Tribunal Rayuan Kastam, Kementerian Kewangan Malaysia	1
JUMLAH		13

URUSAN TATATERTIB DAN SURCAJ

Suruhanjaya juga menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tatatertib bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Dalam tahun 2017, terdapat tiga (3) urusan tatatertib dijalankan oleh SPKP. Daripada jumlah berkenaan, hanya seorang Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang dikenakan hukuman tatatertib iaitu amaran oleh SPKP.

Selain itu, Peraturan 44(1)(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menyatakan bahawa SPKP boleh, jika difikirkannya sesuai dan patut dan setelah mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (4), menahan seseorang pegawai daripada menjalankan tugasnya jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap pegawai itu. Sepanjang tahun 2017, tiada Pegawai Undang-Undang telah ditahan kerja oleh SPKP dibawah peraturan tersebut.

Subseksyen 18(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, selepas berunding dengan pihak berkuasa kewangan membuat keputusan mengenai tindakan surcaj ke atas Pegawai Undang-Undang bagi sejumlah wang yang difikirkan patut oleh pihak Suruhanjaya. Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah mengenakan surcaj ke atas seorang Pegawai Undang-Undang kerana telah mengakibatkan kehilangan aset alih Kerajaan yang di bawah tanggungjawab dan pengawasannya.

KETETAPAN SURUHANJAYA

Pindaan Nisbah Calon Simpanan

Mesyuarat SPKP Ke-133

Suruhanjaya bersetuju meluluskan cadangan pindaan nisbah calon simpanan kepada 10 : 4 daripada jumlah pengisian kekosongan jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41 dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Sehubungan itu, ketetapan Suruhanjaya dalam Mesyuarat SPKP Ke-130 pada 2 September 2016 adalah dibatalkan.

Sistem e-Ruling SPKP

Mesyuarat SPKP Ke-133

Suruhanjaya mengambil maklum akan pembangunan Sistem e-Ruling SPKP dan bersetuju akan senarai pengguna yang ditetapkan.

Tempoh Minimum Dan Maksimum Pemangkuan

Mesyuarat SPKP Ke-135

- tempoh minimum pemangkuan adalah satu (1) tahun;
- tarikh kenaikan pangkat adalah sehari selepas genap satu (1) tahun dari tarikh pemangkuan;
- tempoh maksimum pemangkuan adalah selama dua (2) tahun;
- pegawai-pegawai yang tidak diperakukan kenaikan pangkat selepas dua (2) tahun memangku dikemukakan semula ke Suruhanjaya untuk pertimbangan selanjutnya sama ada untuk ditamatkan atau dilanjutkan pemangkuan; dan
- tarikh kenaikan pangkat pegawai yang dilanjutkan tempoh pemangkuan adalah sehari selepas genap tempoh pemangkuan dilanjutkan.

Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Berasaskan Susunan Kekananan

Mesyuarat SPKP Ke-135

- urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pada gred kenaikan pangkat L48 dan ke atas dilaksanakan berasaskan kepada susunan kedudukan pegawai mengikut tarikh lantikan tetap (tarikh lantikan pertama) dan tarikh lantikan terakhir pegawai di gred kenaikan pangkat; dan
- asas-asas seperti kompetensi dan penilaian potensi pegawai, personaliti dan tingkah laku yang baik serta kesesuaian dan penerimaan Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan akan juga diguna pakai bagi tujuan kenaikan pangkat;

Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Berasaskan Master List

Mesyuarat SPKP Ke-135

- urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Pegawai Undang-Undang berasaskan kepada susunan kedudukan pegawai (*'master listing'*) mengikut tarikh lantikan tetap (tarikh lantikan pertama) dan tarikh lantikan terakhir pegawai di gred kenaikan pangkat serta dilaksanakan pada Gred L44 ke atas. Pegawai Undang-Undang yang diperakukan pemangkuan dan kenaikan pangkat boleh mengisi mana-mana jawatan kenaikan pangkat (Gred L44 ke atas) yang kosong di Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

URUS SETIA SPKP

Dalam memastikan Suruhanjaya dapat menjalankan semua fungsi yang diamanahkan dengan efisien dan efektif, Ahli-Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia Suruhanjaya yang diketuai oleh Setiausaha SPKP, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad.

CARTA ORGANISASI URUS SETIA SPKP



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Tan Sri Arpah binti Abdul Razak

PENASIHAT

YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Encik Ikhbal Hanam bin Mukras

PASUKAN EDITORIAL

Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

JURUFOTO

Encik Padzil bin Sanom